

Memilih senario terbaik untuk Singapura

Abu

Berita Harian, 24 Oktober 2012

Institut Pengajian Dasar (IPS) telah menghasilkan tiga gambaran atau senario asas mengenai Singapura berdasarkan perbincangan dengan 140 orang tidak lama dulu. Perancangan senario bukanlah baru bagi Singapura seperti dalam mengatur proses perbandaran sehingga menghadapi cabaran luar negara.

Namun, dalam usaha IPS yang serentak dengan Perbincangan Singapura Kita, usaha ini cukup menarik kerana ia melibatkan persembahan interaktif dan boleh ditonton sendiri oleh penduduk Singapura atau warga asing dalam pameran di Perpustakaan Negara, YouTube dan didramakan kelak untuk memikat penyertaan spontan.

Tiga senario tahun 2022 ditampilkan berdasarkan jenis pemerintahan dan corak pertumbuhan. Adakah warga Singapura suka memilih pemerintah yang kuat dengan pertumbuhan tinggi, atau pemerintah yang kuat tetapi pertumbuhan yang rendah (perkembangan kurang pesat) dengan kebajikan yang tinggi atau pemerintah campuran yang tidak kuat tetapi gerakan rakyat diperkasa dan kurang syarikat berbilang negara.

Kesemua senario ini penting untuk difikirkan kerana tindakan hari ini akan membawa kesan pada hari muka. Sejak merdeka sehingga hari ini, senario pertama - pemerintah gagah dan pertumbuhan tinggi - mencirikan Singapura. Namun, sesudah luah rasa rakyat dalam pilihan raya umum tahun lalu, terdapat permintaan agar dikurangi kehadiran bakat asing dan dipertingkatkan kebajikan serta dikurangkan kepesatan pembangunan agar tekanan hidup berpacu masa dapat diredakan.

Namun, tinjauan berkala menunjukkan rakyat Singapura masih percayakan sebuah pemerintah yang cekap lagi bersih tetapi tidak mengongkong rakyat, sedang taraf kebajikan dipertingkatkan dengan paras cukai yang dapat diterima rakyat. Pun perubahan cita rasa boleh berlaku kerana setiap generasi Singapura memiliki daya tahan dan kecenderungan berbeza. Misalnya, generasi zaman Perang Dunia Kedua amat propemerintah yang kuat, cekap dan bersih berbanding generasi hari ini.

Terdapat keprihatinan bahawa sembang nasional dan sebagainya lebih cenderung menilai Singapura dari segi keperluan dalaman dan tidak mencakupi keperluan global. Pun usaha IPS walaupun tampak 'mudah' diharap membantu rakyat agar teliti menentukan corak negara ini kelak dengan arif.